

02 MAY 1999

KEADILAN TIDAK AKAN KEKAL LAMA, KATA MOHAMED

JOHOR BAHRU, 2 Mei (Bernama) -- Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat hari ini berkata Parti KeADILan Nasional (Keadilan) tidak boleh kekal lama kerana rakyat tidak dapat menerima segala dakwaan yang dilemparkannya kepada Umno dan Perdana Menteri.

Katanya tindakan presiden Keadilan Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail ke Luar negeri untuk mendapatkan sokongan juga disifatkan sebagai satu konspirasi politik dalam usaha menjatuhkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya fikir Keadilan tidak boleh kekal lama kerana rakyat negara ini sudah mula menolak dakwaan yang dilemparkan kepada Umno dan Dr Mahathir," katanya pada persidangan berita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Pulau di sini hari ini.

Mohamed berkata tindakan Wan Azizah ke luar negara juga dianggap sebagai percubaan untuk melemahkan negara.

"Kita tidak perlu meminta sokongan luar kerana kemerdekaan yang dicapai oleh negara ini adalah atas usaha rakyatnya sendiri," katanya.

Sementara itu, tokoh veteran Umno dan juga bekas Menteri Besar Johor Tan Sri Osman Saat yang hadir pada majlis itu menyifatkan perbuatan Wan Azizah sebagai sia-sia.

"Kalau dia betul-betul rakyat Malaysia dan taat setia kepada negara dan agama dalam membetulkan masalah negara, tidak perlu bantuan luar," katanya.

-- BERNAMA

BH RON